

Manuscript Submitted	: 22 Oct 2017
Accepted	: 6 Nov 2017
Published	: 25 Nov 2017

Kajian Rintis Penerimaan Mualaf Di Selangor Terhadap Aplikasi ‘Smartsolat’

Nur Muizz Bin Mohd Salleh, Che Wan Shamsul Bahri C.W.Ahmad,
Khirulnizam Abd Rahman & Hasnuddin Ab Rahman


Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
muizz@kuis.edu.my, cwshamsul@kuis.edu.my,
khirulnizam@kuis.edu.my, hasnuddin@kuis.edu.my

Abstrak

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penerimaan pengguna terhadap aplikasi mudah alih ‘SmartSolat’ dalam kalangan mualaf di Selangor. Aplikasi mudah alih SmartSolat adalah merupakan satu aplikasi untuk mempelajari solat yang dibangunkan khusus sebagai bahan rujukan sokongan bagi membantu para mualaf dalam menunaikan solat. Aplikasi ini meliputi kaedah mengambil wudhuk dengan sempurna dan mengerjakan solat-solat fardhu melalui kaedah interaktif dan simulasi masa nyata. Kajian rintis dengan analisis diskriptif mudah dilakukan adalah untuk memahami persekitaran kajian. Tiga faktor utama kajian rintis ini adalah berkaitan kandungan modul wudhuk, kandungan modul solat dan kebolehgunaan. Hasil kajian mendapati bahawa purata kepuasan dan penerimaan pengguna adalah sebanyak 86.7% peratus. Ini menunjukkan bahawa aplikasi ini diterima dengan baik oleh Mualaf di Selangor. Kajian seterusnya akan diperluaskan kepada mualaf di seluruh Malaysia dan juga kepada kanak-kanak yang baru mula belajar solat iaitu di peringkat pra-sekolah.

Pengenalan

Aplikasi mudah alih *SmartSolat* yang telah dibangunkan adalah aplikasi mempelajari solat yang khusus sebagai bahan rujukan sokongan bagi membantu para mualaf. Aplikasi ini merangkumi kaedah mengambil wudhuk dan mengerjakan solat-solat fardhu melalui kaedah interaktif dan simulasi masa nyata. Aplikasi ini dibangunkan khusus untuk pengguna platform telefon pintar dan tablet android. Aplikasi mudah alih ini menggunakan sokongan grafik, audio bacaan daripada Ustaz Don Daniyal di samping animasi pergerakan bagi karektor yang memudahkan pengguna melihat setiap pergerakan dalam mengambil wudhuk dan mengerjakan solat-solat fardhu sebagaimana Rajah 1.



Rajah 1 : Antaramuka *SmartSolat*

Setiap bacaan dalam solat disediakan juga audionya, di samping animasi pergerakan bagi karektor yang memudahkan pengguna melihat setiap pergerakan dalam mengambil wudhuk dan mengerjakan solat-solat fardhu.

Pengguna boleh memilih bahasa Melayu, Mandarin atau Tamil bagi mendapatkan pembelajaran disampaikan kepada Muallaf yang khususnya dari kaum Cina dan India. Selain itu juga, pengguna boleh memilih mod interaktif atau mod simulasi untuk memberikan lebih pemahaman kepada pengguna mempelajari kaedah mengambil wudhuk dan mengerjakan solat-solat fardhu sebagaimana Rajah 2.



Rajah 2 : Antaramuka utama Aplikasi *SmartSolat*

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti penerimaan pengguna aplikasi mudah alih *SmartSolat* dalam kalangan muallaf di Selangor. Kajian rintis dengan analisis diskriptif yang mudah digunakan untuk memahami persekitaran kajian. Kajian rintis ini dilakukan berasaskan tiga faktor utama berkaitan kandungan modul wudhuk, kandungan modul solat dan kebolegunaan.

Pernyataan Masalah

Satu kajian terhadap 60 responden muallaf di Institut Dakwah Islam menunjukkan kebanyakan dari mereka menginginkan guru menggunakan kaedah pengajaran yang pelbagai, tidak hanya menggunakan ceramah sahaja di dalam kelas (Mohd Azmi Mat Sah & Maimunah Ismail, 2003).

Maziah (dalam Mohd Azmi Mat Sah; 2003), mencadangkan bahawa dalam proses penyampaian mesej Islam kepada golongan saudara baru yang tergolong dari pelbagai latar belakang, tenaga pengajar seharusnya mempunyai kemahiran bahasa seperti bahasa Inggeris, Cina Tamil dan lain-lain bahasa selain dari bahasa Melayu.

Kajian Literatur

Berdasarkan kepada permasalahan yang ada, pengkaji bercadang untuk menggunakan kaedah pembelajaran mudah alih (Mobile-Learning). Pembelajaran mobil atau *m-learning* telah didefinisikan sebagai pendidikan atau peluang pembelajaran melalui penyampaian pelajaran menggunakan peranti mudah alih sebagai teknologi utama (Baharum, Ismail, & Idrus, 2010; Crescente & Lee, 2011; Demirbilek, 2010; Frohberg et al., 2009; Kukulska-Hulme et al., 2011; Pimmer et al., 2010; Traxler, 2005).

Uzun boylu and Ozdamli (2011) menyatakan pembelajaran mudah alih sebagai kaedah pembelajaran yang membolehkan pelajar mendapatkan bahan-bahan pembelajaran di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa menggunakan teknologi mudah alih dan internet.

Terdapat beberapa teori yang boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat ujian kebolegunaan pengguna. Antaranya adalah: Theory of Reasoned Action (TRA) (Ajzen & Fishbein, 1980), the Technology Acceptance Model (TAM) (F.D. Davis, 1986), the Theory of Planned Behaviour (TPB) (Ajzen, 1991), Innovation Diffusion Theory (Rogers, 1995).

Kami memilih TAM kerana ia adalah model yang dibangunkan khusus untuk meramal tingkah laku pengguna komputer.

TAM adalah model khusus yang dibangunkan untuk menjelaskan dan meramalkan tingkah laku penggunaan pengguna komputer. Berasal daripada *Theory of Reasoned Action* (TRA), ia meramalkan penerimaan pengguna berdasarkan pengaruh dua kepercayaan penggunaan: Dirasakan Kegunaan dan Dirasakan Kemudahan Penggunaan (Perceived Usefulness (PU) and Perceived Ease of Use (PEU)). Kedua-dua PU dan PEU dikemukakan mempunyai kesan yang signifikan terhadap sikap pengguna (AT) terhadap penggunaan sistem. Niat Perilaku (BI) untuk digunakan ditentukan secara bersama oleh sikap seseorang terhadap penggunaan sistem dan kegunaannya. BI kemudian menentukan penggunaan sebenar (AU) sistem. Dengan menggunakan metodologi yang berbeza, banyak kajian telah mendapati

bahawa PU dan PEU menghubungkan dengan baik dengan penerimaan IT dalam pelbagai sistem maklumat. TAM meramalkan penerimaan pengguna berdasarkan kepada kepercayaan penggunaan iaitu Kebolegunaan dan Kemudahan Penggunaan.

Metodologi Kajian

Instrumen Kajian

Data diperolehi dari borang soal selidik yang diedarkan melalui Guru kelas bagi sesi pembelajaran oleh mualaf. Borang soal selidik mengandungi 5 mata skala likert iaitu daripada 'sangat tidak bersetuju' hingga ke 'sangat bersetuju'. Instrumen ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama adalah data demografi manakala bahagian kedua adalah item yang digunakan untuk mengukur pembolehubah yang berkaitan dengan penerimaan pengguna.

Responden

Sampel adalah terdiri daripada mualaf yang menghadiri kelas anjuran PERKIM di sekitar negeri Selangor seramai 25 orang.

Prosedur Kajian

Setiap telefon pintar milik responden akan dilengkapi dengan aplikasi mudah alih *Smartsolat* dan responden akan diberikan masa seminggu untuk menggunakan aplikasi *Smartsolat* tersebut. Setelah itu, guru kelas akan mengedarkan borang soal selidik berkaitan kesesuaian kandungan modul wudhuk, modul solat dan kebolegunaan aplikasi *Smartsolat* tersebut.

Kaedah Analisis


Untuk menilai kestabilan dan konsistensi skala dan membina kesahihan Pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini, gabungan analisis kebolehppercayaan dan penerokaan Analisis faktor telah digunakan. Skor responden bagi setiap pembinaan diperolehi oleh Penjumlahan merangkumi semua skor item pembolehubah individu.

Analisa Penerimaan Pengguna Aplikasi Mudah Alih *Smartsolat*

Latarbelakang Responden

Daripada 25 orang responden, seramai 31.3 peratus responden telah memeluk Islam sejak 6 hingga 10 tahun. Rajah 1 menunjukkan peratusan mualaf memeluk Islam mengikut kategori usia mereka di dalam Islam. Seramai 25 peratus responden telah memeluk Islam lebih daripada 10 tahun. Responden paling ramai adalah dalam kategori yang baru memeluk Islam dengan usia Islamnya sekitar 1-5 tahun

iaitu sebanyak 43.8 peratus. Nisbah peratusan responden ini amat bersesuaian dengan kajian yang dijalankan memandangkan Aplikasi *SmartSolat* ini memberi pendedahan cara wudhuk dan solat yang betul dan mudah. Ini membantu mualaf terutamanya yang baru memeluk Islam.




Rajah 3: Usia masuk Islam

Lebih baik daripada Modul Bercetak

Dapatan kajian pada Rajah 4 menunjukkan seramai 87.5% responden bersetuju bahawa aplikasi *SmartSolat* adalah lebih baik berbanding modul bercetak. Sebaliknya, hanya 12.5% sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa aplikasi *SmartSolat* adalah lebih baik.


Justeru, majoriti daripada responden dapat merasai perbezaan dengan jelas di antara aplikasi *SmartSolat* dan modul bercetak walaupun mereka hanya dibekalkan dengan aplikasi tersebut hanya seminggu sahaja untuk tujuan kajian ini.



Rajah 4: Apps Lebih Baik Daripada Modul Bercetak

Apps Mudah Difahami


Seramai 43.8 % responden sangat bersetuju bahawa aplikasi *SmartSolat* ini sangat mudah difahami. Begitu juga dengan 43.8% responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Namun begitu terdapat hanya 12.5% responden kurang bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu menganggap bahawa ia sukar untuk difahami.



Rajah 5: Aplikasi Mudah Difahami

Kesesuaian Kandungan Untuk Mualaf


Seramai 43.8 % responden sangat bersetuju bahawa kandungan aplikasi *SmartSolat* bersesuaian dengan mualaf. Begitu juga dengan 50% responden bersetuju dengan kenyataan tersebut sebagaimana ditunjukkan pada Rajah 4. Namun begitu terdapat hanya 6.3% responden kurang bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu menganggap bahawa kandungannya kurang bersesuaian untuk mualaf.



Rajah 6: Kesesuaian Kandungan Untuk Mualaf

Antaramuka Aplikasi Mesra Pengguna


Seramai 37.5 % responden sangat bersetuju bahawa aplikasi *SmartSolat* ini mesra pengguna. Begitu juga dengan 43.8% responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Namun begitu terdapat hanya 18.8% responden kurang bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu menganggap bahawa ia sukar untuk digunakan dan tidak mesra pengguna seperti Rajah 5 di bawah.



Rajah 7 : Antaramuka Aplikasi Mesra Pengguna

Keberkesanan Arahkan

Seramai 62.5 % responden bersetuju bahawa aplikasi *SmartSolat* ini mempunyai keberkesanan arahan. Begitu juga dengan 31.3% responden sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Namun begitu terdapat hanya 6.3% responden kurang bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu menganggap bahawa ia kurang keberkesanan arahan seperti Rajah 6 di bawah.



Rajah 1 : Keberkesanan Arahan

Kesimpulan

Berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi menunjukkan Aplikasi *SmartSolat* ini sesuai untuk digunakan sebagai alat bantu di dalam pengajaran dan pembelajaran solat bagi mualaf di Selangor. *Smartsolat* boleh menjadi alat bantu belajar yang lebih baik daripada modul bercetak. Aplikasi ini mudah difahami dan mengandungi kandungan yang amat sesuai dengan keperluan mualaf yang baru memeluk Islam untuk mempelajari ibadah yang menjadi tiang agama.

Untuk cadangan penyelidikan pada masa depan, kajian ini juga boleh diperluaskan kepada mualaf seluruh Malaysia yang mana mempunyai latarbelakang yang berbeza.

Rujukan

Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.

Ajzen, I., & Fishbein, M. (1980). *Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Davis, F. D. (1986). *Technology Acceptance Model for Empirically Testing New End-user Information Systems: Theory and Results*. Unpublished Doctoral Dissertation, Massachusetts Institute of Technology.

Mohd Azmi Mat Sahi & Maimunah Ismail. (2003). Status Program Pembelajaran di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes di Negeri Melaka. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 11(1): 81-95

Rogers, E. M. (1995). *Diffusion of innovations* (4th ed.). New York: The Free Press.

Uzunboylu, H., & Ozdamli, F. (2011). Teacher perception for m-learning: scale development and teachers' perceptions. *Journal of Computer assisted learning*, 27(6), 544-556.